



**1 Julai 2024**



## 295 perkampungan Orang Asli diwartakan kawasan rizab

Kuala Lumpur: Sebanyak 295 daripada 853 perkampungan Orang Asli sudah diwartakan sebagai kawasan rizab Orang Asli.

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah Datuk Rubiah Wang berkata, pewartaan kawasan yang berkeluasan keseluruhan 40,412 hektar itu dilaksanakan mengikut Seksyen 6 dan 7 Akta Orang Asli 1954 (Akta 134).

"Kementerian juga sedang menyelesaikan isu melibatkan kawasan penempatan Orang Asli yang bertindih dengan kawasan rizab lain bagi membolehkan ia diwartakan sebagai kawasan rizab Orang Asli.

"Dalam hal ini, Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) memberi fokus dalam menyelesaikan pengukuran dan pewartaan kepada kawasan penempatan Orang Asli terlebih dahulu bagi membolehkan pembangunan dinikmati di kawasan tersebut," katanya

Beliau berkata demikian ketika menggulung perbahasan mengenai Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) Tahun 2021 dan 2022 bagi Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah di Dewan Rakyat, hari ini.

Rubiah berkata, setakat ini, sejumlah 272 perkampungan Orang Asli dengan keluasan kawasan 809,677 hektar telah diukur dan dipohon untuk diwartakan, namun belum mendapat kelulusan daripada kerajaan negeri terlibat.

"Justeru, Jakoa amat berharap kerajaan-kerajaan negeri dapat memberi perhatian sewajarnya kepada permohonan tersebut," katanya.